



GARIS PANDUAN PERLAKSANAAN KURSUS LANJUTAN KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Bahagian Pengurusan Latihan
Kementerian Kesihatan Malaysia



SENARAI KANDUNGAN

Bil	Perkara	Mukasurat
1.	TUJUAN.....	1
2.	PUNCA KUASA DAN PERATURAN.....	1
3.	PRINSIP-PRINSIP PEMBERIAN.....	2
4.	PERLAKSANAAN PROGRAM.....	3
5.	SYARAT-SYARAT PERMOHONAN.....	3
6.	PROSES PENGAMBILAN DAN PENAWARAN CALON.....	7
7.	ELAUN DAN KEMUDAHAN BIASISWA.....	9
8.	PENANGGUHAN/MENARIK DIRI/MENOLAK TAWARAN.....	9
9.	IKATAN PERJANJIAN.....	10

GARIS PANDUAN PELAKSANAAN KURSUS LANJUTAN

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

TARIKH KEMASKINI : 7 Mei 2018

1. TUJUAN

- 1.1. Garis panduan ini bertujuan menjelaskan proses pelaksanaan Kursus Lanjutan bagi Anggota Sains Kesihatan Bersekutu (ASKB) di Institut Latihan Kementerian Kesihatan Malaysia (ILKKM).

2. PUNCA KUASA DAN PERATURAN

- 2.1 Jabatan Perkhidmatan Awam telah menurunkan kuasa meluluskan cuti belajar bergaji penuh (CBBP) bagi Pegawai-pegawai Separa Perubatan Anggota Sains Kesihatan Bersekutu (ASKB) yang mengikuti Kursus Lanjutan kepada Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan berkuatkuasa mulai 21 Disember 2006.
- 2.2 Dua (2) Jawatankuasa Pemilihan calon telah ditubuhkan iaitu di peringkat Jabatan Kesihatan Negeri dan di Bahagian Pengurusan Latihan (BPL) Kementerian. Jawatankuasa di peringkat negeri dipengerusikan oleh Pengarah Kesihatan Negeri dan di peringkat Bahagian Pengurusan Latihan dipengerusikan oleh Setiausaha Bahagian (PL).

- 2.3 Senarai nama calon yang Berjaya mengikuti kursus akan dihantar kepada Jabatan Kesihatan Negeri untuk tindakan selanjutnya.
- 2.4 Surat tawaran dikemukakan kepada calon yang berjaya melalui laman web <http://latihan.moh.gov.my> dan boleh dimuat turun. Calon dikehendaki mencetak surat tawaran untuk tindakan Ketua Jabatan masing-masing.

3. PRINSIP-PRINSIP PEMBERIAN

- 3.1 Prinsip-prinsip asas pemberian kemudahan Cuti Belajar Bergaji Penuh (CBBP) bagi Kursus Lanjutan adalah seperti berikut:-
 - i) Kuasa melulus kemudahan CBBP adalah dibawah tanggungjawab Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan Malaysia.
 - ii) Pegawai yang memohon hendaklah melalui proses pemilihan dalam Mesyuarat Pemilihan Calon bagi Kursus Lanjutan di peringkat Bahagian Pengurusan Latihan dan diperakukan;
 - iii) Pegawai ditawarkan sesuatu kursus bergantung kepada permohonan dan kapasiti ILKKM yang mengendalikan kursus tersebut.

4. PELAKSANAAN PROGRAM

- 4.1 Bahagian Pengurusan Latihan akan mengiklankan Kursus Lanjutan melalui laman web KKM <http://latihan.moh.gov.my>. Surat tawaran untuk mengikuti kursus juga dihantar kepada Pengarah Kesihatan Negeri, Pengarah Hospital, Institusi Latihan, Pejabat Kesihatan Kawasan, Pejabat Kesihatan Daerah, Ketua-Ketua Perkhidmatan dan Ketua-Ketua Bidang.

4.2 Kursus Lanjutan juga ditawarkan kepada calon -calon daripada agensi-agensi bukan kerajaan, badan-badan berkanun dan pihak swasta. Permohonan dibuka dua (2) kali setahun iaitu pada bulan November (pengambilan sesi Mac) dan bulan Mei (pengambilan sesi September) pada setiap tahun.

5. SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

5.1 Syarat-syarat Am;-

- (a) Telah disahkan dalam jawatan;
- (b) Berumur **tidak melebihi 48 tahun** pada tarikh tutup permohonan;
- (c) Markah prestasi kerja yang baik dan mendapat markah LNPT tidak kurang dari **85%** bagi tiga (3) tahun berturut-turut;
- (d) Diperakukan oleh Ketua Jabatan; dan
- (e) Pegawai-pegawai yang telah mengikuti mana-mana Kursus Lanjutan dalam tempoh dua (2) tahun terakhir adalah **tidak layak** memohon. Pegawai yang telah berjaya tetapi menolak tawaran kursus dengan tidak mempunyai alasan yang munasabah juga akan dihalang untuk mengikuti kursus selama dua tahun.

- (f) **Calon-calon / Pemohon wanita yang hamil, tidak akan dipertimbangkan / tidak diterima untuk mengikuti Kursus Lanjutan ini. (Berkuatkuasa bagi pengambilan Sesi Mac 2016 dan seterusnya)**

5.2 Syarat-Syarat Khas;-

- (a) Tertakluk kepada bidang pengkhususan yang ditawarkan serta **perlu mempunyai pengalaman latihan terkini selama enam bulan** dalam bidang yang dipohon mengikut kehendak kurikulum.
- (b) **Sijil Pos Basik/Pengkhususan Kejururawatan Kesihatan Awam** permohonan perlu mempunyai **Sijil Kebidanan Bahagian 1 / Diploma Lanjutan Kebidanan** atau pengalaman bertugas semasa selama enam **(6) bulan**.
- (c) **Diploma Lanjutan Pengurusan Diabetes** keutamaan kepada calon yang bertugas di Klinik Diabetes atau yang berkaitan.
- (d) **Sijil Pos Basik/Pengkhususan Sediaan Farmaseutikal Steril** keutamaan yang bertugas di unit *Parenteral Nutrition, IV admixture & cytotoxic drug reconstitution* atau pengalaman enam bulan bertugas di tempat berkenaan.
- (e) **Kursus Diploma Lanjutan Perawatan Rapi** perlu mempunyai pengalaman klinikal selama **enam bulan** dan bertugas dalam bidang sub-kepakaran yang di nyatakan serta mempunyai **Sijil *Basic Life Support*** yang masih sah.

- (f) **Kursus Diploma Lanjutan Penjagaan Kardiovaskular** keutamaan yang mempunyai pengalaman klinikal di unit berkenaan atau pengalaman bertugas di sub-kepakaran selama **enam bulan** serta mempunyai **Sijil *Basic Life Support*** yang masih sah.

- (g) **Sijil Pos Basik/Pengkhususan Periodontik** keutamaan kepada Juruterapi Pergigian yang bertugas dengan Pakar Periodontik atau sanggup ditukarkan selepas tamat kursus.

- (h) **Sijil Pos Basik/Pengkhususan Ortodontik** keutamaan kepada Juruterapi Pergigian yang bertugas dengan Pakar Ortodontik atau sanggup ditukarkan selepas tamat kursus

- (h) **Sijil Pos Basik/Pengkhususan Protesis Maksilofasial** keutamaan kepada Juruterapi Pergigian yang bertugas dengan pakar bedah mulut atau sanggup ditukarkan selepas tamat kusus.

- (i) **Kursus Diploma Lanjutan Perawatan Perioperatif** keutamaan yang mempunyai pengalaman klinikal di unit berkenaan atau pengalaman bertugas di sub-kepakaran tertentu selama **6 bulan**.

- (j) **Kursus Diploma Lanjutan Perawatan Onkologi** keutamaan yang mempunyai pengalaman klinikal di unit berkenaan atau pengalaman bertugas di sub-kepakaran tertentu selama **6 bulan**.

- (k) **Kursus Diploma Lanjutan Sitologi** keutamaan yang bertugas di makmal sitologi yang telah **menyaring 3000 *slaid gynaecology***.
- (l) **Kursus Diploma Lanjutan Hematologi** keutamaan yang bertugas di makmal hematologi dan diperakui oleh Ketua Patologi Negeri.
- (m) **Kursus Diploma Lanjutan Pengimejan Payudara** keutamaan kepada **jurur-xray wanita** bertugas di **unit mamografi selama satu tahun** atau pengalaman bertugas sebagai **jurur-xray selama lima tahun**.
- (n) Calon-calon dikehendaki lulus pemeriksaan perubatan yang menggunakan borang pemeriksaan kesihatan yang dibekalkan bersama iklan tawaran ini termasuk melaksanakan ujian **Hepatitis B & C , HIV/ AIDS dan U.P.T** sebelum mengikuti kursus yang ditawarkan. Sekiranya keputusan pemeriksaan perubatan tidak lulus, tawaran adalah terbatal dengan sendiri.
- (k) Pemilihan calon untuk **Kursus Sijil Pengkhususan** dilakukan oleh **Pakar Perubatan atau Ketua Bidang** yang berkaitan dengan kursus tersebut. Permohonan dikemukakan pada Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) melalui Ketua Jabatan untuk mendapat kelulusan.
- (l) Permohonan perlu mendapat sokongan Ketua Jabatan.

6. PROSES PENGAMBILAN DAN PENAWARAN CALON

6.1 Peringkat Jabatan Kesihatan Negeri (JKN)

Tapisan pertama permohonan calon dilaksanakan oleh Jabatan Kesihatan Negeri seperti berikut:

- (a) Mengedarkan pekeliling tawaran Kursus Lanjutan kepada Hospital, Klinik Kesihatan, Institusi dan Pejabat Kesihatan Daerah / Kawasan;
- (b) Menerima dan memproses permohonan selaras dengan syarat-syarat am dan syarat-syarat khas.
- (c) Memilih calon berdasarkan kesesuaian calon dalam bidang kursus selaras keperluan perkhidmatan dan fasiliti KKM.
- (d) Mengemukakan senarai nama calon yang telah diperakukan kepada BPL mengikut tarikh yang ditetapkan.
- (e) Memastikan pelatih yang telah tamat kursus lanjutan bertugas di tempat-tempat yang diperlukan selaras dengan perancangan semasa permohonan.

6.2 Jawatankuasa Peringkat BPL

Tapisan ke dua permohonan calon kursus ini dilaksanakan oleh Bahagian Pengurusan Latihan seperti berikut:

- (a) Menyemak permohonan calon yang memenuhi syarat dan kriteria yang ditetapkan.

- (b) Jawatankuasa Pemilihan Calon Kursus Lanjutan di Bahagian Pengurusan Latihan akan mengadakan mesyuarat untuk memilih calon-calon yang layak untuk mengikuti kursus tersebut.
- (c) Kriteria-kriteria bagi menentukan bilangan calon yang layak adalah seperti berikut:
 - i) Kapasiti kolej berpandukan TNA (*training needs analysis*)
 - ii) Tenaga pengajar yang berkemahiran dalam bidang tersebut.
 - iii) Mengikut markah tertinggi LNPT
- (d) Senarai calon yang di pilih akan diangkat kepada KSU untuk kelulusan.
- (e) Selepas mendapat kelulusan surat tawaran rasmi akan diedarkan kepada calon.
- (f) Senarai ILKKM yang boleh mengendalikan kursus.
- (g) Penempatan calon berdasarkan bilangan tempat di ILKKM dan tempat bertugas calon yang berdekatan dengan Institut Latihan jika ada kekosongan.

7. ELAUN DAN KEMUDAHAN BIASISWA

- (a) Peruntukan kewangan bagi membiayai Kursus Lanjutan adalah di bawah peruntukan Belanja Mengurus BPL yang disalurkan kepada 19 ILKKM.
- (b) Semua peserta Kursus Lanjutan dibayar Elaun Sara Hidup semasa latihan Teori dan Amali iaitu sebanyak RM 25.00 sehari sepanjang tempoh teori dan amali bagi kursus di luar Ibu Pejabat asal, jika tidak disediakan tempat penginapan dan makan / minum.

- (c) Manakala RM15.00 sehari bagi kursus teori dan amali di dalam kawasan Ibu Pejabat tetapi di luar kompleks hospital / Ibu Pejabat asal, jika kemudahan makan / minum tidak disediakan.
- (d) Penetapan kadar tersebut adalah seperti surat Kementerian Kewangan Bil. KK/BP10/687/698/656/4 JLD.4 (SK. 2/2006) (5) bertarikh 12 Oktober 2006.

8. PENANGGUHAN/ MENARIK DIRI/ MENOLAK TAWARAN

- 8.1 Calon atau pelatih yang berhasrat untuk menanggung pengajian/ menarik diri/ menolak tawaran tertakluk kepada ketetapan berikut ; -
 - a) Pegawai yang menolak tawaran sebelum mengikuti kursus perlu mengemukakan surat penolakan individu bersama surat tawaran sementara dan surat sokongan Ketua Jabatan masing-masing ;
 - b) Pegawai yang menarik diri daripada mengikuti latihan setelah kursus bermula perlu mengemukakan surat penarikan diri individu melalui Pengarah Institut Latihan untuk mendapat kelulusan Bahagian Pengurusan Latihan KKM; dan
 - c) Sebarang permohonan untuk menarik diri atau menolak tawaran perlu mendapat kelulusan BPL.

9. IKATAN PERJANJIAN

- (a) Pegawai-pegawai yang mendapat tawaran perlu menandatangani kontrak perjanjian dengan kerajaan dan pegawai di kehendaki berkhidmat dengan Kementerian Kesihatan Malaysia berdasarkan tempoh ikatan kontrak

perjanjian pegawai dengan kerajaan iaitu selama **satu (1) tahun** atau denda **RM25,000** jika melanggar syarat-syarat perjanjian

- (b) Bagi calon yang menarik diri dari latihan setelah menandatangani Borang Perjanjian, Kontrak perjanjian dengan Kerajaan Malaysia masih berkuat kuasa iaitu satu (1) tahun dari tarikh tamat menjalani kursus tersebut.

Bahagian Pengurusan Latihan

Kementerian Kesihatan Malaysia

7 Mei 2018